NO SOALAN :45

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	:	**Y.B. DATO' MOHD ARIFF SABRI BIN ABDUL AZIZ**
		(RAUB)
PERTANYAAN	:	**LISAN**
TARIKH	:	**06.04.2015**

Y.B. DATO' MOHD ARIFF SABRI BIN ABDUL AZIZ [RAUB] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

a. dengan pinjaman tambahan RM2 bilion yang dikatakan diberi oleh Tan Sri Ananda Krishnan, jumlah suntikan ke dalam Powertek Investment Holdings (PIH) ialah RM4 bilion. Berapakah pegangan beliau dalam PIH; dan

b. mengapakah pihak peminjam tidak mengambil tindakan ke atas aset 1MDB.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat 1MDB telah pun melunaskan hutang sebanyak RM2 billion dengan Maybank dan RHB pada 13 Februari 2015 mengikut syarat-syarat perjanjian pinjaman.

2. Berhubung pinjaman yang didakwa diterima oleh 1MDB daripada jutawan Tan Sri Ananda Krishnan, laporan tersebut adalah tidak benar. Oleh itu, suntikan ekuiti oleh Tan Sri Ananda Krishnan dalam Powertek Investment Holdings tidak berbangkit.